



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MAKLUMAT TERKINI JUMLAH SUMBANGAN YANG TELAH PUN DITERIMA
SELEPAS PEMBUKAAN AKAUN COVID-19 RELIEF FUND**

Tarikh: 24 Mac 2020

1. Berikutan dengan pembukaan akaun COVID-19 Relief Fund bagi membolehkan orang ramai dan pihak-pihak yang berkenaan di Negara ini membuat sumbangan dalam sama-sama membantu dan menangani penularan wabak COVID-19 pada masa ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sukacita ingin mengongsikan maklumat mengenai dengan jumlah sumbangan yang telahpun dimasukkan ke dalam akaun tersebut, pada mana setakat 24hb Mac 2020, pada jam 5.00 petang, sejumlah \$330,423.34 sumbangan telahpun diterima daripada orang ramai.
2. Dalam hal ini, MOFE sukacita ingin mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang telah membuat sumbangan ini dan seterusnya, mengalu-alukan kerjasama orang ramai bagi sama-sama membantu meningkatkan lagi jumlah sumbangan tersebut bagi membiayai keperluan-keperluan yang berkaitan dengan COVID-19 ini.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam